

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA
[RAYUAN JENAYAH NO.: JA-42(0RS)-13-05/2019**

ANTARA

PENDAKWA RAYA

... PERAYU

DAN

(1) AMIR SHARIFFUDDIN ABD RAUB

(2) JLA MOTORSPORT SDN BHD

**... RESPONDEN-
RESPONDEN**

**(DALAM MAHKAMAH SESYEN KHAS RASUAH DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA
PERMOHONAN JENAYAH NO.: JA-64-82-08/2018)**

ANTARA

PENDAKWA RAYA

... PEMOHON

DAN

(1) AMIR SHARIFFUDDIN ABD RAUB

(2) JLA MOTORSPORT SDN BHD

**... RESPONDEN-
RESPONDEN**

**DIHADAPAN YA DATO' ABU BAKAR BIN KATAR
HAKIM, MAHKAMAH TINGGI MALAYA
JOHOR BAHRU
DI DALAM MAHKAMAH TERBUKA**

PENGHAKIMAN

PENGENALAN

[1] Ini merupakan permohonan Timbalan Pendakwa Raya [TPR]/Perayu di bawah s. 41(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2019 [Akta itu] untuk mendapatkan Perintah pelucuthakkan harta alih milik kepada Kerajaan Malaysia.

[2] Permohonan TPR telah didengar oleh Hakim, Mahkamah Sesyen Khas (Rasuah), Johor Bahru [Tuan HMS itu]. Pada 20.5.2019 Tuan HMS itu telah menolak permohonan TPR di bawah s. 41(1) Akta itu.

[3] TPR yang terkilan dengan keputusan Tuan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi atas semua kes.

[4] Mahkamah ini telah mendengar rayuan yang difailkan oleh TPR. Di akhir pendengaran rayuan, Mahkamah ini membenarkan rayuan oleh TPR. Semua harta alih yang terlibat diperintahkan lucuthak kepada Kerajaan Malaysia. Responden Pertama [R1] dan Responden Kedua [R2] yang terkilan dengan keputusan Mahkamah ini telah memfailkan Notis Rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

LATAR PENTAS KES PERMOHONAN

[5] Bagi kemudahan rujukan disenaraikan harta-harta alih yang terlibat dalam permohonan TPR untuk pelucuthakkan di bawah s. 41(1) Akta itu seperti yang tercatat dalam JADUAL di bawah:

JADUAL

BIL	NO KES	HARTA ALIH YANG TERLIBAT
1.	JA-42(ORS)-13-05/2019	Kereta jenama Mercedes Benz A180 Blue Efficiency dan bernilai RM 69,892.50 Kereta jenama Mercedes Benz E 250 AMG Sport Auto dan bernilai RM 116,467.50 Kereta jenama Toyota Vellfire DBA-AWH20W bernilai RM 125,498.12 Kereta jenama Mercedes Benz A 180 Blue Efficiency bernilai RM 72,240.00 Kereta jenama Mercedes Benz A 180 Blue Efficiency bernilai RM 72,480.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM 456,578.12

[6] Harta alih telah disita oleh pihak SPRM daripada R1 dan R2 sebagaimana peruntukan s. 41(1) Akta itu. Notis Kepada Orang Yang Berkepentingan telah diwartakan sebagaimana Warta Kerajaan Persekutuan selaras dengan peruntukan s. 41(2) Akta itu.

[7] Permohonan dibuat dimana tiada pendakwaan terhadap mana-mana orang dibuat berhubung harta-harta alih tersebut atas suatu kesalahan di bawah Akta itu. Permohonan berpaksikan kepada alasan-alasan harta-harta alih tersebut diperolehi hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah s. 16(a)(B) Akta itu dan s. 28(1)(c) Akta itu.

[8] Secara ringkasnya fakta kes seperti berikut: R1 merupakan seorang Pengarah kepada Mahabuilders Sdn Bhd dan MB Group. Selaku Pengarah tugas utama R1 ialah mendapatkan projek-projek dan berurusan dengan pihak Kementerian yang terlibat.

[9] R2 merupakan sebuah syarikat sendirin berhad yang menjalankan perniagaan kereta dan pengedar autimatif. JLA Motorsport merupakan syarikat sendirian berhad yang menjalankan perniagaan kereta dan pengedar automotive. Syarikat ini dimiliki oleh R1, Ahmad Shahril Bin Abdullah, Zulkifli Bin Husien dan Muhammad Firdaus Bin Aznan.

[10] R1 merupakan seorang perantaraan di antara Datuk Latif dan pemaju-pemaju perumahan yang ingin mendapatkan pelepasan lot bumiputera kepada lot awam. Datuk Latif merupakan EXCO Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan [JKPKT] sejak tahun 2013.

[11] Memandangkan kedudukannya sebagai EXCO dan Pengerusi JKPKT, Datuk Latif diberi kuasa oleh Kerajaan Negeri Johor untuk meluluskan permohonan pelepasan lot bumiputera kepada lot awam berkaitan projek perumahan swasta di sekitar Negeri Johor.

[12] Berdasarkan Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil Tahun 2013 [Pekeliling tersebut], bagi setiap permohonan pemaju yang diluluskan, pemaju dikehendaki membayar sumbanagan 7.5% daripada perbezaan harga jualan lot bumiputera.

[13] Pada sekitar bulan September 2013, seorang rakan sekerja R1, Heng Aik Kwee telah memperkenalkan Tham Huen Cheong iaitu Pengurus Besar, IJM Land Berhad [Pengurus Besar IJM] kepada R1. Pada masa tersebut, R1 telah memaklumkan Pengurus Besar IJM iaitu Datuk Latif boleh membantu IJM untuk memohon pelepasan lot Bumiputera dengan pengurangan bayaran kepada Tabung Perumahan Negeri Johor [TPNJ]. Sebagai balaasan, IJM dikehendaki membuat bayaran kepada JLA Managemet & Services [JLA] yang diarahkan oleh R1 dan kemudiannya akan dialihkan kepada Datuk Latif.

[14] Kemudiannya, Pengurus Besar IJM mengarahkan Pengurus Jualan dan Pemasaran IJM untuk berurusan dengan R1. Semua

dokumen permohonan berkaitan projek perumahan Taman Nusa Duta dan Suriaemas Serices Apartment kepada R1.

[15] Selepas R1 menerima semua dokumen bagi permohonan IJM, beliau telah menyerahkan dokumen kepada Datuk Latif untuk kelulusan permohonan IJM. Permohonan-permohonan yang dimajukan oleh IJM telah diluluskan dan kadar sumbangan yang kurang kepada TPNJ iaitu antara 3-3.5% iaitu kurang daripada yang ditetapkan oleh Pekeliling tersebut. IJM telah membayar sumbangan kepada TPNJ seperti yang diarahkan oleh R1 kepada JLA.

[16] Selepas pembayaran dibuat oleh IJM kepada JLA, JLA membuat pengeluaran wang dari akaun JLA dan memindahkan ke akaun R1.

[17] Pada Januari 2014, modus operandi yang sama, R1 telah memaklumkan Pengarah Urusan, Ecoworld Development Group Berhad [EDGB] iaitu Encik Phan Yan Chan [Phan]. R1 memaklumkan Phan boleh menguruskan pelepasan lot bumiputera kepada lot awam dengan pengurangan sumbangan yang dibayar kepada TPNJ. Selanjutnya Phan perlu membayar kepada Zul Azam & Co [ZAC] dan AK Management Services & Consultants [AKMS]. Cara pembayaran ini dipersetujui oleh Phan.

[18] Sehubungan itu, Phan telah mengarahkan Aslizat untuk berurusan dengan Kamil berkenaan dokumentasi permohonan pelepasan membabitkan 4 anak syarikat EDGB. Kemudiannya menyerahkan dokumen-dokumen permohonan pelepasan kepada R1 melalui Hashim. Setelah itu semua permohonan diserahkan kepada Datuk Latif untuk kelulusan di peringkat JKPKT yang dipengerusikan oleh Datuk Latif. Sebaik permohonan EDGB diluluskan, EDGB telah membuat sumbangan kepada TPNJ pada kadar 3%-3.5% iaitu lebih kurang kepada kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling tersebut iaitu 7.5%. Sebagaimana yang diarahkan oleh R1, EDGB membuat pembayaran kepada ZAC dan AKMS. R1 telah menggunakan ZAC

sebagai kenderaan untuk memegang wang-wang yang dibayar oleh EDGB bagi pelepasan lot bumiputera kepada lot awam.

[19] Selepas wang-wang yang dibayar oleh EDGB masuk kedalam akaun ZAC, R1 mengarahkan ZAC membuat pengeluaran kepada R1, R2 dan R3 bagi tujuan membeli kenderaan-kenderaan yang terlibat dalam permohonan Pemohon di bawah s. 41(1) Akta itu.

SAMA ADA HARTA YANG TELAH DIPEROLEHI OLEH R1, R2 DAN R3 HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM

Syarat-syarat dan proses pelepasan lot bumiputera kepada lot awam

[20] Secara ringkas sebelum permohonan pelepasan diluluskan, Pemaju Perumahan perlu mematuhi syarat-syarat atau proses antara lainnya ialah:

- (a) Permohonan pelepasan perlu dikemukakan oleh Pemaju Perumahan dalam tempoh 9 bulan daripada tarikh Permit Iklan/Jualan disahkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Perumahan) atau daripada tarikh menandatangani perjanjian tambahan;
- (b) Pihak Arkitek perlu memastikan dan mengesahkan bahawa kemajuan pembinaan projek perumahan mencapai peringkat sekurang-kurangnya 50% atau Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perumahan) [KPSU[BP]] telah berpuashati terhadap status pencapaian projek; dan
- (c) Pihak Pemaju perlu mengemukakan Laporan Progress Jualan Unit Bumiputera yang mengandungi butir-butir nama pembeli, nombor PTD/PTB dan tarikh tandatangan Perjanjian Jual Beli.

[21] Sebaik syarat-syarat di (a)-(c) dipenuhi oleh Pemaju Perumahan, permohonan pelepasan akan dikemukakan oleh KPSU [BP] kepada JKPKT untuk pertimbangan dan kelulusan.

[22] Menurut keterangan Mohd Rafi Bin Abdullah, Setiausaha Bahagian di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor [SUK] , pada masa itu Datuk Latif selaku EXCO dan Pengerusi JKPKT mempunyai kuasa untuk membuat pertimbangan dan kelulusan permohonan pelepasan tersebut. Menurut Pekeliling tersebut, sebaik pelepasan lot Bumiputera kepada lot awam, pihak SUK [Bahagian Perumahan] akan memaklumkan kepada Pemaju dan Pejabat Tanah Dan Galian.

[23] Bagi unit-unit yang diberi pelepasan, Pemaju disyaratkan untuk membayar sumbangan sebanyak 7.5% daripada perbezaan harga jualan lot-lot bumiputera bagi setiap lot. Pekeliling tersebut secara jelas menyatakan sumbangan ini wajib dipatuhi. Walaupun begitu, Mohd Rafi Bin Abdullah menyatakan terdapat permohonan walaupun Pemaju gagal mematuhi syarat-syarat permohonan, Datuk Latif meluluskan permohonan tersebut.

Penglibatan R1 dan Datuk Latif dalam kesalahan Akta SPRM 2009

[24] Menyelusuri keterangan yang dinyatakan oleh PB IJM dan Phan ia mendedahkan antara tahun 2013 hingga 2016, Amir sebagai orang tengah membantu Datuk Latif yang berurusan dengan Pemaju IJM dan EDGB bagi permohonan pelepasan projek perumahan mereka masing-masing. R1 telah memaklumkan kepada PB IJM dan Phan, Datuk Latif boleh membantu pelepasan lot Bumiputera kepada lot awam dengan pengurangan bayaran kepada TPNJ iaitu kurang dariada 7.7%.

[25] Sebagai balasannya, IJM dan EDGB diminta membuat bayaran kepada ZAC sebagaimana yang diarahkan oleh R1. Kemudiannya R1 mengarahkan wang-wang dibayar kepada Alaf Pentawaris Sdn Bhd [APSB] iaitu syarikat milik anak Datuk Latif.

[26] Berdasarkan Eksibit WYN-4, WYN-5, WYN-14, WYN-15, WYN-16, WYN-17, WYN-18, WYN-19, WYN -20, WYN-21, WYN -22 dan WYN-23, projek-projek IJM dan EDGB telah diluluskan permohonannya untuk pelepasan oleh JKPKT yang dipengerusikan oleh Datuk Latif. IJM dan EDGB hanya perlu membayar sumbangan 3%-3.5% kepada TPNJ.

[27] PB IJM telah mengesahkan sebaik kelulusan diperolehi dan dimaklumkan kepada IJM, IJM telah membuat bayaran kepada JLMS atas arahan R1 seperti berikut:

BIL	PENERIMA	TARIKH/JUMLAH	EKSIBIT
1.	JLA Management and Services	27.11.2013 [RM137,797.00]	WYN-8
2.	JLA Management and Services	27.11.2013 [RM336,066.00]	WYN-9
3.	JLA Management and Services	13.11.2013 [RM1,238,287.00]	WYN-10
4.	JLA Management and Services	28.11.2013 [RM253,458.00]	WYN-11
5.	JLA Management and Services	28.11.2013 [RM48,921.00]	WYN -12
JUMLAH KESELURUHAN		RM 2,014,529.00	

[28] JLAMS merupakan satu syarikat yang menjalankan perniagaan Agen Insuran, menjual dan membekal peralatan alat tulis dan lainnya. Carian SSM menunjukkan pemilik JLAMS ialah Hamidah Binti Ishak. Hamidah Binti Ishak telah diminta oleh suaminya Ahmad Suhaimi Bin Abdullah [Ahmad Suhaimi] menggunakan namanya bagi tujuan mendaftarkan JLAMS. Selanjutnya Ahmad Suhaimi memberitahu R1 meminjam akauan semasa Affin milik JLAMS untuk tujuan transaksi kemasukan dan pengeluaran wang.

[29] Pengarah Urusan EDGB telah mengesahkan sebaik kelulusan permohonan pelepasan lot bumiputera kepada Lot awam diterima,

sebagaimana yang diarahkan oleh R1, EDGB membuat bayaran kepada ZAC dan AK Management Services and Consultant. Pembayaran oleh anak-anak syarikat EDGB sebagai balasan bagi kelulusan permohonan tersebut. Pembayaran tersebut seperti yang ditunjukkan di bawah:

BIL	TARIKH	PENERIMA	JUMLAH [RM]	EKSIBIT
1.	21.3.2014	ZUL AZAM & CO	3,700,000.00	JJ-24
2.	8.12.2014	ZUL AZAM & CO	1,000,000.00	JJ-25
3.	22.6.2015	ZUL AZAM & CO	1,700,000.00	JJ-26
4.	11.7.2014	ZUL AZAM & CO	1,800,000.00	JJ-27
5.	10.4.2015	ZUL AZAM & CO	1,500,000.00	JJ-28
6.	21.3.2014	ZUL AZAM & CO	2,400,000.00	JJ-29
7.	21.3.2014	ZUL AZAM & CO	2,247,925.00	JJ-30
8.	21.3.2014	ZUL AZAM & CO	698,375.00	JJ-31
9.	21.3.2014	ZUL AZAM & CO	1,550,000.00	JJ-32
10.	21.3.2014	ZUL AZAM & CO	300,000.00	JJ-33
JUMLAH KESELURUHAN			RM 16,896,300.00	

[30] Fakta secara jelas mendedahkan R1 menggunakan akaun ZAC dan JLAMS untuk menerima bayaran rasuah dari EDGB dan IJM bagi mengelak tindakan R1 dan Datuk Latif dikesan oleh pihak berkuasa khususnya SPRM. ZAC menerima 0.5% daripada nilai bayaran yang dimasukkan ke dalam akaun ZAC.

[31] Selanjutnya bagi mengabui mata pihak-pihak seolah-olah transaksi yang sah, ZAC mengeluarkan inbois dan resit rasmi kepada EDGB dan IJM seolah-olah ia merupakan bayaran fi konsultan dan fi guaman. [WYN-24 hingga WYN 33] [REKOD RAYUAN [JILID 1(a)-muka surat (187)-(120)]. Walaupun begitu tiada keterangan dikemukakan bagi membuktikan R1 diantik sebagai konsultan atau menggunakan perkhidmatan ZAC bagi tujuan tertentu.

[32] Bagi membantah permohonan Pemohon di bawah s. 41(1) Akta itu, R1 mendakwa kononnya semua wang yang diperolehi hasil titik

peluhnya sebagai konsultan dalam menolong Pemaju Perumahan memohon pelepasan lot Bumiputera kepada lot awam. Walaupun R1 cuba bergantung kepada inbois dan resit yang kononnya menunjukkan fi konsultan dan fi guaman, keterangan ZAC secara jujur menyatakan segala tindakan yang diambil atas arahan R1. Mahkamah ini berpendapat segala tindak tanduk R1 semata-mata untuk menutup perbuatannya bersama Datuk Latif melakukan perbuatan rasuah semasa membantu Pemaju Perumahan memohon pelepasan lot bumiputera kepada lot awam.

[33] Datuk Latif telah meluluskan permohonan EDGB dan IJM sebegitu rupa kerana ada bayaran yang dibayar kepada R1 dan selanjutnya wang dipindahkan ke APSB iaitu syarikat milik anak Datuk Latif. Mahkamah ini berpendapat ia merupakan kesalahan rasuah di bawah s. 16(a)(B) Akta itu. Wang yang diterima oleh R1 merupakan hasil aktiviti haram dan R1, R2 dan R3 menggunakan wang tersebut untuk membeli kenderaan-kenderaan yang menjadi hal perkara permohonan Pemohon.

Hasil haram yang digunakan untuk membeli kenderaan-kenderaan tersebut Sumber wang daripada EDGB

[34] Fakta yang ada di hadapan Mahkamah secara jelas menunjukkan EDGB telah membayar kedalam akaun ZAC sebanyak RM16,896,300.00. Menurut pemilik ZAC kesemua bayaran oleh EDGB dan IJM dbayar kedalam akaun ZAC dan ZAC mengenakan bayaran 0.5% daripada jumlah yang diterima oleh ZAC. Kemudiannya ZAC akan mengeluarkan wang daripada akaun pelanggan No. 2 untuk diberikan kepada R1. Jumlah keseluruhan wang tunai yang diterima oleh R1 dari ZAC dalam tempoh tahun 2014 hingga 2016 berjumlah RM15,050,000.00. ZAC juga atas arahan R1 mengeluarkan cek-cek kepada JLA Motorsport Sdn Bhd, NZ Wheels Sdn Bhd dan LX Mode Sdn Bhd masing-masing bagi tujuan pembayaran kenderaan R1 dan R2.

Kenderaan Mercedes Benz bagi R1 berjumlah RM72,480.00

BIL	JUMLAH [RM]	BANK	EKSIBIT
1.	72,480.00	AFFIN BANK	WYN-39 [M.S (28) & (240)-(242)]

Kenderaan Mercedes Benz Model G 63 AMG (JW26) bagi R1 berjumlah RM1,010,812.00

BIL	JUMLAH [RM]	BANK	EKSIBIT
1.	69,892.50	AFFIN BANK	WYN-40 [M.S (28) & (243)-(245)]

Kenderaan Toyota Vellfire 2.4 bagi R1 berjumlah RM697,338.40

BIL	JUMLAH [RM]	BANK	EKSIBIT
1.	125,498.00	AFFIN BANK	WYN-41 [M.S (28) & (246)-(248)]

Kereta Mercedes Benz bagi R1 berjumlah RM116,467.50

BIL	JUMLAH [RM]	BANK	EKSIBIT
1.	116,467.50	AFFIN BANK	WYN-42 [M.S (28) & (246)-(248)]

Kereta Mercedes Benz bagi R1 berjumlah RM116,467.50

BIL	JUMLAH [RM]	BANK	EKSIBIT
1.	77,240.00	AFFIN BANK	WYN-43 [M.S (298) & (252)-(254)]

[35] Pemohon turut mengemukakan keterangan dari pegawai-pegawai bank yang terlibat membabitkan pembayaran daripada akaun ZAC. Mahkamah ini menimbangkan tarikh-tarikh pembelian kenderaan pada tahun 2015, ketika itulah ZAC menerima jutaan ringgit dari EDGB yang dibayar untuk R1 dan sebahagian duit berkenaan telah digunakan untuk membeli kenderaan-kenderaan tersebut.

Yuran Fi Konsultansi

[36] R1 dalam usahanya untuk mencabar permohonan Pemohon dibawah s. 41(1) Akta itu nampaknya bergantung kepada kesemua wang yang dibayar ke dalam akaun ZAC merupakan bayaran fi konsultan R1 kerana membantu Pemaju Perumahan EDGB dan IJM memohon pelepasan lot bumiputera kepada lot awam dan bukannya wang rasuah sebagaimana yang diujahkan oleh TPR yang terpelajar. Tuan HMS itu telah memutuskan wang yang diterima oleh R1 bukannya wang haram.

[37] Mahkamah ini berpendapt Pemohon telah mengemukakan bukti yang kukuh wang-wang yang digunakan oleh R1,R2 dan R3 untuk membeli kenderaan tersebut menggunakan wang yang dibayar oleh EDGB ke dalam akaun ZAC. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar pendirian R1 wang yang diterima merupakan fi konsultan tidak dapat diterima atas alasan berikut:

- (i) R1 sekadar bergantung kepada nota keterangan dalam Perbicaraan Jenayah membabitkan Datuk Latif, R1 dan Ahmad Fauzan bagi menyokong dakwaannya dilantik sebagai

- Konsultan. Tiada keterangan yang menunjukkan EDGB melantik R1 sebagai Konsultan.
- (ii) EDGB jika benar melanti R1 sebagai Konsultan, tiada dokumen atau email dari EDGB yang mengesahkan R1 dilantik sebagai Konsultan bagi urusan permohonan pelepasan lot Bumiputera kepada lot awam.
- (iii) EDGB dan IJM merupakan Pemaju terbesar dan mempunyai reputasi yang baik di Malaysia. Amat diragui dan sukar diterima akal tiada sebarang dokumen bertulis jika benar R1 dilantik sebagai Konsultan kerana ia membabitkan pembayaran wang jutaan ringgit sebagaimana yang didakwa oleh R1.

Bonus R1 daripada Infra Rancak Sdn Bhd

[38] R1 dalam usahanya untuk mencabar permohonan Pemohon telah menyatakan kenderaan tersebut dibeli daripada wang bonus dan komisyen yang dibayar oleh majikannya iaitu Infra Rancak Sdn Bhd. Pembayaran kononnya dibayar kedalam akaun ZAC berjumlah RM4 juta. Mahkamah ini berpendapat R1 tidak menyokong dakwaan ini dengan keterangan bebas. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar jika benar R1 menerima RM4 juta dari Infra Rancak Sdn Bhd, agak anih ianya dimasukkan ke dalam akaun ZAC dan bukannya akaun peribadi R1. Keterangan yang ada menunjukkan pembelian kenderaan tersebut menggunakan wang yang disimpan dalam akaun ZAC dan ia bukan wang RM4 juta yang kononnya R1 terima dari Infra Rancak Sdn Bhd. Mahkamah ini berpendapat tiada kaitan pembayaran Infra Rancak Sdn Bhd untuk projek Twin Danga Residence dan Danga Apartment. Sebaliknya ia pembayaran anak syarikat EDGB kepada R1. Mahkamah ini berpendapat R1 sekadar untuk menutup tindakan bayaran rasuah yang diterima dari EDGB dan IJM dengan mengalihkan kononnya ada wang yang diterima RM4 juta.

Gaji R1 yang diterima dari Mahabuilders Sdn Bhd dan hutang yang dibayar oleh Suhaimi

[39] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu terkhilaf apabila memutuskan wang yang digunakan oleh R1 untuk membeli kenderaan yang terlibat menggunakan wang gaji yang dibayar oleh Mahabuilders Sdn Bhd dan hutang yang dibayar oleh Suhaimi. R1 sendiri dalam Afidait Tambahan Responden di perenggan 12 [REKOD RAYUAN] [JILID 1(c)] [m.s (509)] hanya menyentuh Infra Rancak Sdn Bhd dan tiada wang R1 daripada Mahabuilders Sdn Bhd dan hutang oleh Suhaimi.

[40] Bagi kesempurnaan Penghakiman ini, Mahkamah ini akan menyentuh isu undang-undang yang sama dalam permohonan Pemohon. TPR yang terpelajar telah merujuk Alasan Penghakiman yang disediakan oleh Tuan Hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru [Tuan HMS itu] semasa menolak permohonan Pemohon untuk melucuthak harta alih Responden. TPR yang terpelajar telah membawa perhatian Mahkamah ini kepada beberapa perkara yang diujahkan Tuan HMS itu telah terkhilaf iaitu:

- (i) Permohonan di bawah s. 41 Akta itu menjurus kepada harta alih yang disita dan bukannya keperluan untuk mendakwa Responden.
- (ii) Tuan HMS itu terkhilaf menggunakan beban bukti semasa menolak permohonan Pemohon.
- (iii) Tuan HMS itu terkhilaf apabila bergantung kepada Nota-Nota Keterangan membabitkan perbicaraan jenayah dalam mencapai keputusannya.
- (iv) Tuan HMS itu terkhilaf apabila menolak pernyataan saksi yang menyokong permohonan Pemohon.

Bagi isu (i):

[41] Mahkamah ini sedar asas atau teras permohonan Pemohon berdasarkan harta alih yang diperolehi merupakan hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah s. 16(a)(B) Akta itu dan s. 28(1)(c) Akta itu. Berdasarkan peruntukan s. 41(3) Akta itu, permohonan Pemohon dibawah s. 41(1) Akta itu akan dibenarkan jika dua (2) elemen penting dibuktikan iaitu:

- (a) Harta-harta Responden merupakan hal perkara dalam melakukan kesalahan dibawah s. 16(a)(B) Akta itu dan s. 28(1)(c) Akta itu.; dan
- (b) Tiada pembelian suci hati dengan balasan berharga berkenaan dengan harta-harta tersebut.

[42] Dalam konteks kes Responden, Amir telah didakwa bersama Datuk Latif yang bersubahat membantu pemaju-pemaju perumahan memohon pelepasan unit bumiputra dan pengurangan bayaran kepada TPNJ. Bayaran telah dibuat melalui Amir sebagai dorongan dan/atau upah kelulusan permohonan. Perbuatan yang dilakukan oleh Amir dan Datuk Latiff terjumlah kepada kesalahan di bawah s. 16(a)(B) Akta itu dan s. 28(1)(c) Akta itu.

[43] Mahkamah ini berpendapat Pemohon tidak perlu mendapatkan sabitan atas Responden di bawah Akta itu terlebih dahulu sebelum permohonan dibuat di bawah s. 41(1) Akta itu. Permohonan lucuthak dibawah s. 41(1) Akta itu merupakan “*in rem*” dan bukannya “*in personam*”. Mahkamah ini merujuk kes *Ng Boon Ann v. PP* [2020] 1 LNS 255 yang berpendapat seperti berikut:

“.....Upon perusing the provisions of the MACC Act it is patent that the MACC Act is not similar to the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 Act 613 where usually there is a predicate offence preferred together with the money laundering

charge or charges. Even then a money laundering charge can still be a stand alone charge as provided for in section 4 of Act 613. In the MACC Act where the Commission decides not to press charges, they can apply under section 41 to forfeit any property which was the subject matter of or was used in the commission of an offence. It is an application in rem.

[44] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu terkhilaf dalam penghakimannya apabila semata-mata berpandukan kepada Perbicaraan Jenayah terhadap Datuk Latif, Amir dan Ahmad Fauzan yang berakhir kepada lepas dan bebas atas pertuduhan. Tuan HMS itu sepatutnya memutuskan sama ada Pemohon telah mematuhi pra syarat di bawah s.41(3)(a) dan (b) Akta itu yang dirujuk di atas sebentar tadi.

[45] Mahkamah ini berpendapat harta alih yang menjadi hal perkara permohonan di bawah s. 41(1) Akta itu tidak berkaitan dengan pendakwaan yang diambil terhadap Datuk Latif, Amir dan Ahmad Fauzan. Mahkamah ini berpuashati tiada pendakwaan yang membabitkan harta alih yang menjadi hal perkara sekarang. Tuan HMS itu terkhilaf apabila memutuskan ada pendakwaan terhadap Responden Ketiga [merujuk CIMB Bank Berhad dalam Alasan Penghakimannya]. Sekiranya terdapat pendakwaan, permohonan akan dibuat di bawah s. 40 Akta itu dan bukannya s. 41(1) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat harta alih yang terlibat sama sekali berbeza dengan apa yang dipertuduhkan terhadap Datuk Latif, Amir dan Ahmad Fauzan.

Bagi isu (ii):

[46] TPR yang terpelajar telah menghujahkan, Tuan HMS itu terkhilaf menggunakan beban bukti semasa menolak permohonan Pemohon. Tuan HMS itu menggunakan beban bukti yang salah iaitu “melampaui keraguan yang munasabah” bagi permohonan di bawah s.

41(1) Akta itni. Tuan HMS itu dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

“11. Seksyen 37(3) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) mempunyai peruntukan yang sinonim dengan seksyen 41 (1) ASPRM 2009 (Akta 694), memandangkan permohonan ini bersifat *quasi-criminal* maka pemohon perlu membuktikan bahawa kesemua harta-harta tersebut adalah hasil kesalahan di bawah seksyen 16 (a)(B) ASPRM 2009 atas piawaian melampaui keraguan yang munasabah memandangkan ASPRM tidak memperuntukkan beban pembuktian seperti kes sivil sebagaimana yang terdapat di dalam AMLATFPUAA, maka *standard* pembuktian kes jenayah adalah terpakai memandangkan ASPRM 2009 adalah merupakan suatu *penal statute*.”

[47] Minda Tuan HMS itu terserlah menggunakan beban bukti “melampaui keraguan yang munasabah” semasa memutuskan permohonan Pemohon dibawah s. 41(1) Akta itu. Mahkamah ini merujuk di akhir penghakimannya, Tuan HMS itu menyatakan:

“C. KESIMPULAN

[17] Berdasarkan alasan yang dinyatakan diatas, maka Mahkamah ini telah membuat keputusan bahawa pihak Pemohon telah gagal melepaskan beban pembuktian melampaui keraguan yang munasabah sehingga memuaskan hati Mahkamah ini bahawa kesemua harta-harta tersebut adalah merupakan hasil dari kesalahan di bawah ASPRM 2009, khususnya kesalahan dibawah seksyen 16(a)(B) akta dibaca bersama seksyen 28 (1)(c) Akta yang sama. Maka natijahnya dengan ini Mahkamah ini telah membuat perintah sepertimana adanya.”

[48] Mahkamah ini berpendapat beban yang dipikul oleh Pemohon bagi permohonan di bawah s. 41(1) Akta itu ialah “di atasimbangan

kebarangkalian”. Isu ini ada digarap dalam kes *Mohd Arif Ab Rahman v. PP* [2021] 1 CLJ 703 di mana YA Noorin Badaruddin H ada menyatakan seperti berikut:

“[32] Since the action in forfeiture proceedings under the Act relates to action in rem and there is no prosecution or conviction for an offence the standard of proof to be applied by the court in determining whether the properties claimed are the subject matter of or was used in the commission of an offence and there is no purchase in good faith for valuable consideration in respect of the properties is on balance of probabilities.”

[penekanan kepada perkataan-perkataan yang digariskan]

[49] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu dalam Alasan Penghakimannya telah terkhilaf apabila menggunakan beban bukti yang salah iaitu “melampaui keraguan yang munasabah” dan bukannya atasimbangan kebarangkalian bagi maksud permohonan dibawah s. 41(1) Akta itu.

Bagi isu (iii):

[50] TPR yang terpelajar telah menghujahkan Tuan HMS itu terkhilaf apabila bergantung kepada Nota-Nota Keterangan membabitkan prosiding lainnya itu perbicaraan jenayah dalam mencapai keputusannya bagi permohonan Pemohon dibawah s. 4(1) Akta itu Bagi kemudahan rujukan di perturunkan Perenggan 12 Alasan Penghakiman yang berbunyi seperti berikut:

“Bagi menyokong permohonan, pihak pemohon bergantung kepada beberapa keratan rakaman percakapan saksi-saksi semasa siasatan bagi menunjukkan Responden 2 (Abdul Latif) dan Amir telah menerima suapan sebagai upah meluluskan pengurangan pembayaran sumbangan kepada Tabung Perumahan Negeri

Johor. Namun Mahkamah ini sendiri telah mendengar keterangan bersumpah dari saksi-saksi yang berkenaan di Mahkamah di perbicaraan penuh kes Responden 2 dan Amir Sharifuddin dan mendapati bahawa terdapat keraguan di dalam kes pendakwaan terhadap mereka dihadapi khasnya dari kenyataan yang diberikan oleh saksi-saksi yang sama tersebut dengan permohonan ini.”

[51] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu terkeliru apabila beranggapan Perbicaraan Jenayah yang melibatkan Datuk Latif, Amir dan Ahmad Fauzan menyamai dengan permohonan di bawah s. 41(1) Akta itu. Tuan HMS itu seharusnya menyedari perbezaan Perbicaraan Jenayah dengan permohonan di bawah s. 41(1) Akta itu. Sebaliknya Tuan HMS itu mengambil jalan mudah apabila menggunakan nota keterangan dalam Perbicaraan Jenayah bagi memutuskan permohonan di bawah s. 41(1) Akta itu. Tuan HMS itu gagal menimbangkan permohonan Pemohon di bawah s. 41(1) Akta itu secara tertibnya.

[52] Tuan HMS itu gagal mengambilkira peruntukan Akta Keterangan 1950 sebelum sesuatu nota keterangan saksi dalam Perbicaraan Jenayah boleh dijadikan sebagai keterangan dalam permohonan sekarang ini. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu tidak boleh menggunakan nota-nota keterangan saksi dalam prosiding yang lainnnya bagi menimbangkan permohonan Pemohon sekarang. Mahkamah ini berpendapat dalam prosiding yang lain, pendakwaan perlu membuktikan pertuduhan-pertuduhan terhadap Datuk Latif, Amir dan Ahmad Fauzan. Sebaliknya dalam permohonan Pemohon, Pemohon perlu menunjukkan bahawa harta-harta tersebut hasil daripada atau berkaitan dengan kesalahan di bawah Akta itu. Pertimbangan sama ada seseorang itu melakukan kesalahan atau disabitkan dengan pertuduhan tidak berbangkit sama sekali.

[53] Mahkamah ini meneliti Nota-nota keterangan yang dikemukakan oleh Responden sebagai eksibit mengandungi transkrip-transkrip keterangan yang diberikan oleh 13 saksi dalam Perbicaraan Jenayah.

Mahkamah ini berpendapat peruntukan s. 33 Akta Keterangan 1950 perlu dipatuhi terlebih dahulu sebelum nota-nota keterangan digunakan bagi membantah permohonan Pemohon di bawah s. 41(1) Akta itu. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 33 Akta Keterangan 1950 yang berbunyi seperti berikut:

“Evidence given by a witness in a judicial proceeding, or before any person authorized by law to take it, is relevant for the purpose of proving in a subsequent judicial proceeding, or in a later stage of the same judicial proceeding, the truth of the facts which it states, when the witness is dead or cannot be found or is incapable of giving evidence, or is kept out of the way by the adverse party, or if his presence cannot be obtained without an amount of delay or expense which under the circumstances of the case the court considers unreasonable:

Provided that-

(a) the proceeding was between the same parties or their representatives in interest;

(b) the adverse party in the first proceeding had the right and opportunity to cross-examine;

(c) the questions in issue were substantially the same in the first as in the second proceeding.”

[54] Mahkamah ini berpendapat nota-nota keterangan yang dirujuk bagi membantah permohonan Pemohon merupakan keterangan dengar cakap (*hearsay evidence*) dan ia tidak boleh diterima sebagai keterangan dalam permohonan di bawah s. 41(1) Akta itu. Mahkamah ini merujuk kes *Dato’ Yap Peng @ Yap Piang Tau v. PP* [1993] 2 CLJ 181 dan *Tan Sri Eric Chia v. PP* [2006] 2 CLJ 544 ada mengariskan pemakaian jaringan s. 33 Akta Keterangan 1950.

[55] Mahkamah ini berpendapat berdasarkan nas-nas duluan yang dirujuk di atas, nota-nota keterangan tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan atas alasan:

- (i) Pra syarat untuk kebolehan terimaannya yang diperuntukan di bawah s. 33 Akta Keterangan 1950 tidak dipatuhi oleh Responden-Responden;
- (ii) Seramai 13 orang saksi yang dirujuk dalam nota-nota keterangan tersebut tidak memfailkan apa-apa Affidavit untuk menyokong dakwaan Responden-Responden bahawa Amir merupakan seorang Perunding. Mahkamah ini melihat 11 orang saksi merupakan orang awam yang boleh dikesan oleh Responden-Responden;
- (iii) Responden-Responden dalam Affidavitnya gagal memberi penjelasan mengapa saksi tersebut tidak mampu memfailkan affidavit bagi menyokong dakwaan; dan
- (iv) Prosiding di Mahkamah Sesyen Johor Bahru merupakan prosiding yang berbeza dengan permohonan Pemohon di Mahkamah Tinggi.

[56] Mahkamah ini berpendapat secara keseluruhannya Tuan HMS itu terkhilaf apabila bergantung kepada nota-nota keterangan yang kebolehan terimaannya bercanggah dengan s. 33 Akta Keterangan 1950. Sehubungan itu keputusan Tuan HMS itu yang menolak permohonan Pemohon tersasar dari prinsip undang-undang dan perlu campurtangan Mahkamah ini.

Bagi isu (iv):

[57] TPR yang terpelajar menghujahkan Tuan HMS itu terkhilaf apabila menolak pernyataan saksi yang menyokong permohonan Pemohon. Beliau dalam Alasan Penghakimannya menyatakan tindakan

Pemohon yang bergantung kepada pernyataan-pernyataan saksi yang tidak lengkap menimbulkan ketidak adiulan terhadap Responden. Beliau bergantung kepada penghakiman YA Collin dalam kes *PP v. Abdul Latif Bandi* [2019] 1 LNS 20 bagi menyokong pendiriannya. Mahkamah ini berpendapat kes *Abdul Latif Bandi* [*supra*] merupakan keputusan Mahkamah Tinggi dan ia tidak mengikat Mahkamah ini. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu gagal menimbangakan peruntukan s. 30(1) hingga (10) Akta itu tatacara yang diperuntukan bagaimana rakaman percakapan saksi diambil. Sebarang percakapan saksi ini boleh digunakan sebagai keterangan termasuk permohonan dibawah s. 41(1) Akta itu sebagaimana yang dibenarkan dibawah s. 30(9) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat pernyataan tersebut lengkap atau pun tidak ia boleh diterima bagi maksud permohonan s. 41 (1) Akta itu.

Mahkamah ini berpendapat dalam sceanario yang paling teruk sekali pun, Pemohon boleh menggunakan pernyataan saksi walaupun tidak lengkap dibawah s. 41A Akta itu. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 41A Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

“Where any document or a copy of any document is obtained by the Commission under this Act, such document shall be admissible in evidence in any proceedings under this Act, notwithstanding anything to the contrary in any other written law.”

[58] Mahkamah ini merujuk kes *PP v. Dato’ Sri Mohd Najib Hj ABD Razak* [2020] 8 CLJ 319 ada memperjelaskan tujuan Parlimen mengubal s. 71 AMLATFPUAA dan s. 41A Akta itu untuk mempermudah pra syarat ketat Akta Keterangan 1950 dalam konteks kebolehterimaan dokumen. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu gagal menghayati peruntukan s. 30(9) Akta itu dan s. 41A Akta itu bagi menerima kenyataan saksi bagi menyokong permohonan

Pemohon walaupun ia tidak lengkap sebagaimana yang dikhuatiri oleh Responden-Responden.

KESIMPULAN

[59] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu terkhilaf apabila menolak permohonan Pemohon untuk melucuthak harta alih di bawah s. 41(1) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat R1, R2 dan R3 bukannya pembeli suci hati harta alih yang terlibat. Mahkamah ini memerintahkan harta alih yang terlibat dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia.

Bertarikh: 23 JUN 2022

(ABU BAKAR KATAR)

Hakim

Mahkamah Tinggi

Johor Bahru

KAUNSEL:

Bagi pihak perayu - TPR Wan Shaharuddin Wan Ladin, TPR Akram Gharib, TPR Mahadi, TPR Ashraf & TPR Zander Lim; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ibu Pejabat SPRM, Bahagian Perundangan dan Pendakwaan
Aras 18, Blok C, No. 2, Lebu Wawasan, Presint 7,
Peti Surat 6000, 62250 Putrajaya

Bagi pihak responden - Abdul Rahim Ali; T/n Rahim, Aidil & Partners
Peguambela & Peguamcara
No. 6-01, Jalan Padi Emas 6/2,
Bandar Baru Uda,

81200 Johor Bahru.

Kes-kes yang dirujuk:

Ng Boon Ann v. PP [2020] 1 LNS 255

Mohd Arif Ab Rahman v. PP [2021] 1 CLJ 703

Dato' Yap Peng @ Yap Piang Tau v. PP [1993] 2 CLJ 181

Tan Sri Eric Chia v. PP [2006] 2 CLJ 544

PP v. Abdul Latif Bandi [2019] 1 LNS 20

PP v. Dato' Sri Mohd Najib Hj ABD Razak [2020] 8 CLJ 319

Perundangan yang dirujuk:

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, ss. 4(1), 16(a)(B), 28(1)(c), 30(1)(9), 40, 41(1)(2)(3) (a)(b), 41A

Akta Ketrangan 1950, s. 33

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, s. 71